



# AKTA PERSAINGAN 2010

**Menggalakkan Persaingan, Melindungi Anda.**



**Buku Panduan untuk Masyarakat Awam**

# KANDUNGAN

<b>PENGENALAN</b>	<b>3</b>
Apakah Akta Persaingan 2010?	
Apakah Larangan di bawah AP 2010?	
Mengapa Perlunya Buku Panduan Ini?	
<b>MATLAMAT &amp; MANFAAT</b>	<b>4</b>
Mengapakah Perlunya Undang-undang Persaingan?	
Apakah Yang Akan Terjadi Jika Tidak Wujud Persaingan?	
<b>BIDANG KUASA AP 2010</b>	<b>7</b>
<b>“PERJANJIAN” ANTIPERSAINGAN ADALAH DILARANG</b>	<b>8</b>
Apakah Maksud Sesuatu “Perjanjian”?	
Perjanjian Mendatar dan Menegak	
Perjanjian Yang Dianggap Antipersaingan oleh AP 2010	
<b>KARTEL = ANTIPERSAINGAN</b>	<b>15</b>
<b>PENETAPAN HARGA JUALAN</b>	<b>16</b>
<b>APAKAH PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN?</b>	<b>17</b>
Contoh Penyalahgunaan Kedudukan Dominan	

**MEMERANGI AMALAN ANTIPERSAINGAN****22**

Tindakan oleh Suruhanjaya

Penyiasatan

Langkah Interim – Arahan

Keputusan

Pendengaran

**PENALTI****23****TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN****24****LINDUNGI KEPENTINGAN ANDA!****24**

Hak Untuk Tindakan Persendirian

Kemukakan Aduan kepada MyCC

**BAGAIMANA UNTUK KEMUKAKAN ADUAN****25**

# PENGENALAN

## Apakah Akta Persaingan 2010?

- Akta Persaingan 2010 (AP 2010) diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada bulan Mei 2010 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2012.
- Ia dilaksanakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010.
- AP 2010 bertujuan untuk meningkatkan:
  - kebijakan pengguna;
  - amalan perniagaan;
  - pembangunan ekonomi.

## Apakah Larangan di bawah AP 2010?

AP 2010 melarang perusahaan daripada terlibat dalam dua bentuk perlakuan:

- Perjanjian antipersaingan.
- Penyalahgunaan kedudukan dominan.

AP 2010 mengklasifikasikan ini sebagai pelanggaran kerana perbuatan tersebut memudaratkan pengguna, perniagaan dan ekonomi.

## Mengapa Perlunya Buku Panduan Ini?

Buku panduan ini diterbitkan untuk membantu masyarakat awam memahami bagaimana **AP 2010 MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA** dan peranan orang ramai dalam menguatkuasakannya.



# MATLAMAT & MANFAAT

## Mengapa Perlu Undang-undang Persaingan?



Persaingan memaksa perusahaan menjadi lebih **CEKAP, INOVATIF** dan **RESPONSIF** terhadap permintaan pengguna. Manfaat persaingan ialah harga yang kompetitif produk lebih bermutu, pilihan yang lebih luas untuk pengguna serta tahap kecekapan lebih tinggi oleh perusahaan dan ekonomi secara keseluruhan.

AP 2010 **BUKAN BERTUJUAN UNTUK MELINDUNGI PESAING**. Ia bertujuan untuk memastikan perusahaan bersaing secara **TERBUKA** dan **ADIL**

# Apakah Yang Akan Terjadi Jika Tiada Persaingan?

Bagaimana jika ada perusahaan yang secara bersama bersetuju untuk bertindak secara tidak adil daripada menjalankan perniagaan secara bebas dan bersaing secara adil antara satu sama lain? Bagaimana jika mereka secara bersama menetapkan harga jualan jauh melebihi kos pengeluaran untuk meraih untung maksimum? **PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN** seumpama itu mengurangkan persaingan dan menghalang kuasa pasaran iaitu permintaan dan penawaran daripada menetapkan harga.

Persaingan dalam pasaran juga boleh terjejas oleh tindakan antipersaingan monopoli dan perusahaan yang secara bersendiri, ataupun bergabung dengan perusahaan lain, mendominasi pasaran. Tindakan seperti ini dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan.

Kedua-dua perjanjian dan penyalahgunaan kedudukan dominan boleh menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

- Perniagaan (juga dikenali sebagai perusahaan) yang tidak berpihak kepada perjanjian antipersaingan, atau terjejas oleh penyalahgunaan kedudukan dominan sesebuah perusahaan, akan terpaksa memberhentikan operasi kerana tidak dapat bersaing dengan harga ataupun terus terkeluar daripada pasaran.
- Pengguna akan rugi kerana mereka mempunyai kurang pilihan, berdepan dengan harga tinggi dan barang yang berkemungkinan tidak bermutu.
- Perusahaan yang merupakan pengguna barang dan perkhidmatan dalam urusan perniagaan mereka sendiri akan turut rugi kerana produk yang perlu mereka beli dinafikan kepada mereka atau dijual melalui syarat-syarat yang tidak adil (harga tinggi, syarat pembayaran yang tidak adil, dan sebagainya).
- Ekonomi tidak akan berkembang kerana perusahaan baru tidak dapat menembusi pasaran dan perusahaan sedia ada tidak mempunyai insentif untuk menjadi inovatif dan cekap.

Apabila perusahaan bersaing secara sihat, ekonomi, perniagaan dan pengguna akan mendapat manfaat.





Pengguna mendapat manfaat apabila terdapat persaingan sihat dan akan lebih gembira apabila harga yang kompetitif, lebih pilihan dan produk lebih bermutu tersedia untuk mereka.

# **BIDANG KUASA AP 2010**

## **Aktiviti Yang Tertakluk Kepada AP 2010:**

- Semua aktiviti komersil – di dalam ataupun di luar Malaysia – yang mempunyai kesan negatif atau antipersaingan dalam pasaran di Malaysia.

## **Aktiviti Yang TIDAK Tertakluk Kepada AP 2010:**

- Aktiviti yang melibatkan penjalanan kuasa kerajaan.
- Aktiviti yang dijalankan berasaskan prinsip perpaduan.
- Pembelian barang atau perkhidmatan yang bukan bertujuan untuk penjualan atau pembekalan semula.

## **AP 2010 Juga TIDAK Merangkumi Aktiviti Komersil Yang Dikawal Selia oleh:**

- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.
- Akta Pembangunan Petroleum 1974
- Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015

## **Perlakuan atau Perjanjian Yang TIDAK TERTAKLUK di Bawah Bidang Kuasa AP 2010:**

- Perlakuan atau perjanjian yang mematuhi suatu kehendak perundangan.
- Perundingan kolektif atau perjanjian kolektif antara majikan dengan kesatuan sekerja bagi pihak pekerja.
- Perkhidmatan yang berkepentingan ekonomi am, meliputi kemudahan awam, atau mempunyai ciri-ciri monopolji pengeluaran hasil.


# **“PERJANJIAN” ANTIPERSAINGAN ADALAH DILARANG**

## **Apakah Maksud Sesuatu “Perjanjian”?**

Suatu perjanjian antara perusahaan untuk mengelak persaingan tidak semestinya dalam bentuk tulisan ataupun dokumen yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang. Ia boleh dalam bentuk

- Perjanjian tidak rasmi.
- Perjanjian lisan yang dibuat seseorang, melalui telefon atau ketika perjumpaan persendirian atau sosial.
- Persefahaman yang hanya memerlukan “anggukan kepala atau kenyitan mata.”


Persatuan perdagangan atau persatuan profesion (contohnya doktor, peguam, akauntan, dan sebagainya) sering membuat peraturan serta mengeluarkan panduan dan saranan yang mengikat ahli-ahli mereka. Aktiviti persatuan-persatuan ini turut tertakluk di bawah peruntukan terhadap perjanjian antipersaingan.



# Perjanjian Mendatar dan Menegak

AP 2010 meliputi dua kategori perjanjian. Mereka adalah:

- **PERJANJIAN MENDATAR**, iaitu perjanjian antara perusahaan yang berada pada peringkat yang sama dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran; dan
- **PERJANJIAN MENEGAK**, iaitu perjanjian antara perusahaan yang berada pada peringkat yang berbeza dalam rangkaian pengeluaran atau pengedaran.




## **Perjanjian Yang Dianggap Antipersaingan oleh AP 2010**

Sebarang perjanjian, sama ada mendatar ataupun menegak, yang mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan adalah satu pelanggaran AP 2010.

Ada beberapa perjanjian yang dianggap lebih serius oleh AP 2010. Perjanjian mendatar yang berikut dianggap (dalam setiap segi) mempunyai matlamat untuk mengurangkan persaingan dan dengan itu adalah dilarang:

### **PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN**




## 1. Penetapan Harga

Di bawah AP 2010, adalah dilarang untuk bersepakat menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, harga belian atau jualan atau syarat-syarat perdagangan lain.

Penetapan harga, misalnya, boleh dilakukan secara "langsung atau tidak langsung."

- Penetapan secara langsung adalah melalui persetujuan untuk menaik atau mengekalkan harga pada peringkat tertentu; atau
- Penetapan secara tidak langsung adalah melalui persetujuan untuk menawarkan atau tidak potongan harga atau terma-terma kredit yang sama.

Harga (dan syarat-syarat perdagangan lain) sepatutnya ditentukan oleh kuasa pasaran iaitu permintaan dan penawaran. Adalah tidak adil bagi pengguna apabila harga ditetapkan atau dikekalkan pada paras yang tinggi.




## 2. Berkongsi Pasaran atau Punca Bekalan

Di bawah AP 2010, adalah menjadi larangan bagi perusahaan untuk berkongsi pasaran atau punca bekalan. Perusahaan boleh melakukan ini dengan:

- Membahagikan antara mereka pasaran, sama ada secara geografi atau jenis pelanggan.
- Beroperasi hanya di dalam kawasan yang telah ditentukan untuk mereka.

Tujuannya ialah untuk memastikan tidak ada persaingan untuk produk atau perkhidmatan mereka di dalam kawasan tertentu atau untuk jenis pelanggan. Apabila wujud keadaan sebegini, pelanggan akan terhalang daripada mencari tawaran terbaik dan tiada pilihan melainkan membeli dari perusahaan yang telah ditentukan di kawasan mereka atau jenis pelanggan.



### **3. Membataskan atau Mengawal Pengeluaran**

Di bawah AP 2010, adalah menjadi larangan bagi perusahaan bersekongkol untuk membataskan atau mengawal pengeluaran, saluran keluar pasaran atau capaian pasaran, pembangunan teknikal atau teknologi atau pelaburan. Apabila pengeluaran, saluran keluar pasaran atau capaian pasaran adalah terhad atau dikawal, punca bekalan akan berkurangan dan harga akan meningkat kerana bekalan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan. Tambahan pula kos pengeluaran akan menurun melalui pengurangan perbelanjaan untuk pembangunan teknikal atau teknologi dan pelaburan. Semua langkah ini dilakukan dengan tujuan memanipulasi harga secara tidak jujur dan mendapatkan keuntungan maksimum. Perusahaan yang mengamalkan pelakuan yang tidak adil ini mendapat keuntungan besar walaupun mereka tidak cekap dan inovatif.



## 4. Tipuan Bida

Di bawah AP 2010, adalah menjadi larangan bagi perusahaan yang terlibat di dalam tipuan bida.

Tujuan proses tender adalah memilih perusahaan yang lebih cekap daripada kalangan pembida lain yang menawarkan harga terbaik pada termasuk paling menarik. Tujuan itu tidak akan tercapai sekiranya berlaku tipuan bida.

Perusahaan terlibat di dalam tipuan bida dengan membuat persetujuan sesama mereka terlebih dahulu mengenai pemenang bidaan. Setelah itu perusahaan lain akan:


- menghantar pembidaan yang menawarkan harga terlalu tinggi yang tidak mungkin diterima, atau
- menarik balik pembidaan, atau
- tidak menyertai pembidaan supaya perusahaan yang telah ditentukan terpilih memenangi pembidaan.

Pemenang bidaan mungkin akan memberi ganjaran kepada mereka yang bersekongkol melalui pemberian sub-kontrak atau melalui ganjaran lain. Perusahaan juga mungkin bergilir untuk memenangi pembidaan. Tipuan bida menyebabkan perusahaan yang paling cekap dari segi kos gagal memenangi bidaan. Ini mengakibatkan kesusutan sumber ekonomi, pengguna dan perusahaan yang tidak terlibat dengan penipuan bida.



# KARTEL = ANTIPERSAINGAN

Terma **KARTEL** digunakan untuk merujuk kepada gabungan perusahaan yang ditubuh untuk mengawal pengeluaran, harga dan pemasaran barang oleh ahli. Kartel selalunya beroperasi secara rahsia. Atas sebab operasi secara rahsia itu, adalah sukar untuk memperoleh bukti tentang kewujudan kartel melainkan jika ada ahli kartel tampil memberi maklumat kepada pihak berkuasa mengenai perbuatan mereka. Mana-mana ahli kartel yang berhasrat untuk berhenti daripada menjadi ahli dan memberikan maklumat aktiviti kartel tersebut boleh memohon untuk mendapatkan kelonggaran di bawah AP 2010. Pemohon boleh dikecualikan daripada liabiliti jika dia bekerjasama dalam penyiasatan dan membantu mendapatkan bukti.



# PENETAPAN HARGA JUALAN SEMULA


AP2010 melarang penetapan harga. Salah satu cara harga ditetapkan ialah apabila pengeluar menentukan harga barang dan perkhidmatan yang boleh dijual oleh pembekal. Dengan itu, peruncit tidak mempunyai kebebasan untuk mengubah harga atau menawar potongan harga kepada pelanggan. Ini dirujuk sebagai

## **PENETAPAN HARGA JUALAN SEMULA.**

Penetapan harga jualan semula dilakukan melalui beberapa cara. Ini termasuk menentukan:

- harga runcit minimum, atau
- harga runcit yang disyorkan, atau
- harga jualan maksimum.

Nama yang digunakan bukanlah menjadi ukuran tetapi sama ada amalan tersebut mempunyai kesan antipersaingan. Jika ia mempunyai kesan antipersaingan, ia merupakan pelanggaran AP2010.




# APAKAH PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN?

AP 2010 turut menangani perlakuan perusahaan dominan. Sesebuah perusahaan, melalui proses persaingan, mungkin menjadi pelopor dalam industri dengan memiliki bahagian pasaran terbesar ataupun menjadi monopolii. AP 2010 tidak menghukum sesebuah perusahaan kerana kedudukan dominannya. Ia hanya melarang mana-mana perusahaan, dengan sendirian ataupun secara kolektif bersama-sama perusahaan lain, terlibat dalam perlakuan yang berupa penyalahgunaan kedudukan dominan.

Penyalahgunaan kedudukan dominan selalunya terjadi dalam industri yang sama, antara perusahaan dominan dengan pengedar, pembekal atau peruncit.

AP 2010 menyatakan contoh-contoh tingkah laku yang menunjukkan penyalahgunaan kedudukan dominan yang dilarang.



# Contoh Penyalahgunaan Kedudukan Dominan

## 1. Diskriminasi Harga (Harga Yang Tidak Adil)


Perbezaan harga mungkin adalah perlu, contohnya atas sebab pasaran yang terpencil menyebabkan kos pengangkutan lebih tinggi atau kerana pembelian pukal oleh pembeli membolehkan kos bekalan menjadi lebih rendah.

Bagaimanapun, ianya menjadi penyalahgunaan kedudukan dominan apabila diskriminasi harga bukan disebabkan faktor ekonomi dan adalah tidak adil.



## 2. Berkelakuan Seakan Pemangsa

Berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing termasuk meletakkan harga di bawah kos untuk menghapuskan persaingan. Dalam harga pemangsa, sesebuah perusahaan menjual pada harga di bawah kos untuk menghapuskan pesaing dari pasaran dan kemudiannya menaikkan harga untuk meraih keuntungan besar. Pengguna menikmati harga rendah pada waktu yang singkat tetapi akhirnya terpaksa membayar harga tinggi apabila pesaing lain meninggalkan pasaran.



Perusahaan yang dominan menghapuskan pesaingnya dengan menjual atau menyediakan khidmat pada harga di bawah kos agregat.

### **3. Enggan untuk Membekalkan**

Enggan untuk membekalkan bermakna perusahaan mengambil kesempatan di atas kedudukannya dan enggan membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau kategori perusahaan. Ini dilakukan untuk menjelaskan perniagaan mereka.



### **4. Jualan Terikat**

Jualan terikat ialah apabila pembekal sesebuah produk (produk yang mengikat) memaksa pengguna untuk turut membeli produk kedua (produk yang terikat). Apabila tiada pembekal lain untuk produk yang mengikat itu, pengguna tiada pilihan lain melainkan untuk membeli kedua-dua produk.



## 5. Membeli Barang atau Sumber Yang Terhad

Membeli barang atau sumber terhad yang diperlukan pesaing tetapi tidak diperlukan untuk kegunaan sendiri.



Kesemua perlakuan ini sengaja dilakukan untuk memaksa pesaingnya terkeluar daripada pasaran supaya perusahaan yang dominan itu boleh terus menguasai pasaran dengan beberapa peniaga atau pembekal. Dalam keadaan ini, perusahaan dominan itu akan bebas menetapkan harga serta termasuk syarat pengedaran dan jualan.

# MEMERANGI AMALAN ANTIPERSAINGAN

## Tindakan oleh MyCC

AP 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan ke atas perusahaan yang terlibat dengan amalan antipersaingan. Sesuatu siasatan boleh dimulakan atas sebab berikut:

- Arahan Menteri.
- Inisiatif MyCC.
- Aduan kepada MyCC.

## Penyiasatan

- Suruhanjaya boleh memulakan siasatan apabila pelanggaran atau timbulnya sebab untuk mengesyaki pelanggaran ada berlaku.
- Di dalam menjalankan penyiasatan, pegawai MyCC mempunyai kuasa untuk menggeledah dan merampas fail, dokumen, akaun, data komputer dan bahan-bahan lain; dan mengarahkan seseorang untuk memberi maklumat, dokumen atau membuat kenyataan.
- MyCC boleh menerima **AKU JANJI** daripada sebuah perusahaan sama ada untuk membuat atau menahan diri daripada membuat apa-apa, tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh Suruhanjaya.
- Sekiranya pihak MyCC menerima aku janji itu, penyiasatan akan ditutup tanpa membuat apa-apa dapatan pelanggaran dan penalti kewangan tidak akan dikenakan.

## Langkah Interim – Arahan

MyCC boleh mengeluarkan arahan sebagai langkah interim, ketika siasatan sedang berjalan, berkaitan dengan kes di mana tindakan segera perlu diambil untuk menghalang kerugian serius atau tidak boleh dibaiki seseorang atau untuk melindungi kepentingan awam.

## Keputusan

Sekiranya Suruhanjaya mendapati berlakunya pelanggaran AP 2010 setelah siasatan selesai, ia akan:

- Mengeluarkan notis bertulis kepada perusahaan berkenaan, memaklumkan kepadanya keputusan yang dicadangkan,
- Memberikan butiran sebab-sebab keputusan itu diambil, dan
- Memaklumkan kepada perusahaan mengenai penalti dan tindakan pembetulan yang ia cadangkan untuk dikenakan ke atas perusahaan yang telah melakukan pelanggaran.

Perusahaan berkenaan boleh memilih untuk membuat representasi secara bertulis atau lisan kepada MyCC sebelum keputusan muktamad diambil.

Sekiranya siasatan mendapati tiada berlaku pelanggaran, orang berkenaan akan dimaklumkan mengenai keputusan itu.

## Pendengaran

- MyCC boleh, di atas budi bicaranya menjalankan suatu pendengaran untuk perusahaan yang hendak dikenakan tindakan dan menjemput pihak yang berkepentingan untuk hadir di sesi pendengaran.
- Pendengaran yang berasingan boleh diadakan untuk perusahaan berkenaan dan pihak ketiga lain yang berkepentingan atau semuanya boleh dilakukan di dalam satu pendengaran sahaja.
- MyCC juga boleh memutuskan sama ada hendak mengendalikan pendengaran awam atau mengadakan sesi tertutup.

## PENALTI

Sekiranya Suruhanjaya mendapati pihak perusahaan terlibat di dalam perbuatan antipersaingan yang dilarang di bawah AP 2010, perusahaan berkenaan boleh dikenakan penalti maksimum sebanyak **10%** daripada nilai perolehannya di seluruh dunia.

# **TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN**

Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) ditubuhkan untuk mendengar rayuan berhubung dengan keputusan yang dibuat oleh MyCC di bawah Seksyen 35 (arahan), 39 (dapatkan tiada pelanggaran) dan 40 (dapatkan pelanggaran) Akta Persaingan 2010. Mana-mana perusahaan atau orang yang kepentingannya terjejas secara langsung atau tidak langsung dengan sebarang keputusan MyCC, boleh memfailkan notis rayuan kepada TRP. Rayuan berkenaan hendaklah difailkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan itu dibuat.

## **LINDUNGI KEPENTINGAN ANDA!**

Sebagai masyarakat awam, anda mungkin terjejas secara langsung atau tidak langsung dengan pelakuan antipersaingan oleh perusahaan tertentu. Sekiranya anda sememangnya terjejas, terdapat beberapa tindakan yang boleh anda lakukan:

- Hak untuk tindakan persendirian.
- Kemukakan aduan kepada MyCC.

### **Hak Untuk Tindakan Persendirian**

Hak untuk mengambil tindakan persendirian berdasarkan undang-undang di mahkamah ada diperuntukkan di bawah Seksyen 64 AP 2010. Hak ini diberikan kepada pengguna serta perusahaan yang kepentingannya terjejas secara langsung atau tidak langsung akibat penglibatan perusahaan-perusahaan di dalam amalan antipersaingan yang dilarang. Ini bermaksud, pengguna yang tidak membeli produk atau perkhidmatan secara langsung boleh mengambil tindakan, selagi kepentingan mereka sedikit sebanyak terjejas. Seksyen ini memberi kuasa bukan sahaja kepada pengguna individu tetapi juga kepada persatuan-persatuan pengguna, persatuan perniagaan dan profesional untuk mengambil tindakan sivil bagi pihak ahli mereka.

## Kemukakan Aduan kepada MyCC

Sebagai agensi yang menguatkuasakan AP 2010, MyCC bukan sahaja menjalankan penyiasatan di atas kehendaknya sendiri, tetapi ia juga bersandar kepada maklumat yang diterima daripada orang awam. Sesiapa yang percaya ada perusahaan terlibat dalam sebarang pelakuan antipersaingan yang dilarang boleh membuat aduan kepada MyCC untuk penyiasatan lanjut. Dengan berbuat demikian, anda membantu MyCC untuk membanteras pelakuan antipersaingan perusahaan yang melanggar AP 2010. Di samping itu, anda juga membantu mewujudkan pasaran yang pro-persaingan, yang akhirnya akan memanfaatkan pengguna, perniagaan dan ekonomi.

## BAGAIMANA UNTUK KEMUKAKAN ADUAN

Suruhanjaya telah mengeluarkan **Borang Aduan** yang boleh digunakan oleh orang awam untuk memfailkan aduan. **Borang Aduan** mengandungi:

1. Maklumat berkenaan pengadu;
2. Maklumat berkenaan pihak atau pihak-pihak yang diadu;
3. Penerangan ringkas mengenai dakwaan pelanggaran yang menjadi subjek aduan; dan
4. Sebarang maklumat berkenaan dan dokumen sokongan.

**Borang Aduan** boleh dimuat turun da ripada laman ses awang Suruhanj aya di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my). **Borang Aduan** yang telah leng kap boleh dihantar ke Suruhanj aya melalui mana-mana cara be rikut:

**Melalui E-mel:**  
[complaints@mycc.gov.my](mailto:complaints@mycc.gov.my)

**Melalui Pos:**  
Alamat kan kepada:  
**Tingkat 15, Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.**

**Melalui Faks:**  
Alamat kan kepada **Ketua Pegawai Eksekutif (KPE)** dan faks ke  
**+603-2272 2293 / +603-2272 1692**

**Dengan Sendiri:**  
Pengadu boleh datang sendi ri ke pejabat MyCC untuk men gisi dan menghantar **Borang Aduan**.

Untuk bantuan be rkanaan aduan, sila hubun gi MyCC di **+603-2273 2277** atau melalui e-mel di [enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my)

Untuk maklumat lanjut, layari laman web kami: [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

**AKTA PERSAINGAN 2010**  
**Menggalakkan Persaingan, Melindungi Anda.**





@themycc

[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)